
Waspada 'ejen hantu' Wang Tak Dituntut

KUALA LUMPUR 5 Julai - Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD), Jabatan Akauntan Negara tidak pernah melantik mana-mana individu, syarikat atau firma sebagai orang tengah atau ejen untuk menguruskan tuntutan WTD.

Pengarah Bahagiannya, Datuk Zamimi Awang meminta orang ramai agar tidak mempercayai sebarang e-mel atau panggilan telefon yang menggunakan nama

Akauntan Negara Malaysia bagi tujuan berkeajaan.

"Pihak kami tidak ada menghantar sebarang surat atau e-mel kepada empunya WTD atau melantik mana-mana ejen yang meminta mereka hadir untuk menuntut wang.

"Kita pernah mengesan ejen yang mendakwa dilantik oleh Kementerian Kewangan dan mereka mengakui membuat kerja-kerja berkeajaan dengan mengenakan

bayaran atau caj tertentu kepada empunya wang tersebut sedangkan pihak kami langsung tidak mengenakan bayaran kepada sesiapa untuk menuntut wang mereka," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, BWTD juga tidak akan melayan permintaan orang ramai untuk membuat semakan wang mereka melalui telefon, surat atau e-mel.